

Tharman: PM kaum minoriti? S'pura hanya menunggu masa

Nur Adilah Mahbob

Berita Harian, 4 July 2015

SETELAH 50 tahun menjadi sebuah negara, Singapura hanya menunggu masa sebelum ia mempunyai seorang perdana menteri daripada kaum minoriti, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Tharman Shanmugaratnam, semalam.

"Tidak dapat dielak bahawa pada satu ketika, seorang perdana menteri daripada kaum minoriti - India, Melayu, Serani, atau kacukan - akan menjadi ciri landskap politik kerana kami mempunyai meritokrasi, ia sebuah sistem terbuka, ia hanya menunggu masa saja," ujar beliau.

Encik Tharman, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian semasa menjawab soalan penulis pojok akhbar Washington Post yang juga pengacara CNN, Dr Fareed Zakaria, mungkin Singapura mempunyai seorang perdana menteri India.

Dr Fareed mempengerusikan satu dialog jamuan tengah hari di Persidangan SG50+ **Institut Pengajian Dasar** bagi membincangkan masa depan Singapura.

Encik Tharman bermula dengan menjawab soalnya secara jujur bahawa beliau tidak perlu meninggalkan pentas kerana beliau tidak berminat dalam pekerjaan itu, namun menambah tidak dapat dielak bahawa Singapura akan mempunyai seorang perdana menteri daripada kaum minoriti.

"Singapura sedang berubah, ruang bersama tempat semua orang membesar kini lebih besar daripada sebelum merdeka atau malah pada dekad-dekad awal kami," kata beliau.

"Ia satu ruang bersama yang kukuh, sebuah sistem pendidikan di mana semua orang dididik, bahasa pertamanya bahasa Inggeris. Anda melalui pelbagai pengalaman sama bersama, Perkhidmatan Negara, jadi ia hanya menunggu masa saja," katanya.

Apabila ditanya Dr Fareed apakah beliau tidak akan berkhidmat sebagai perdana menteri jika terpilih, Encik Tharman berkata:

"Biar saya cuba jelaskan, kita semua ada keutamaan masing-masing. Dan saya sentiasa, dalam sukan, seorang pemain bek tengah, bukan barisan depan. Saya seronok bermain di barisan pertahanan dan membuat hantaran jauh, tapi saya bukan seorang penyerang.

"Melainkan saya terpaksa, dan saya rasa saya tidak akan dipaksa, kerana saya rasa kami mempunyai pilihan. Memikirkan penggantian bukan tidak baik, dan kami tidak selalu mendapat apa yang kami jangka, tetapi kami fikir dengan teliti tentang penggantian di Singapura.

"Dan saya rasa kami mempunyai kumpulan orang yang berada dan sedang memasuki persaingan yang akan menyediakan kepimpinan masa hadapan," kata beliau.